

**TANGGUNGJAWAB PENTERNAK**  
**15 ZULHIJJAH 1443H/15 JULAI 2022M**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْحَمْدُ لِلَّهِ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِي اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Salah satu bidang pekerjaan yang mulia ialah bidang penternakan. Ia merupakan pekerjaan manusia paling awal iaitu sejak zaman Nabi Adam Alaihi Salam.

Penternakan juga adalah bidang pekerjaan mulia yang diceburi oleh semua Nabi dan Rasul. Imam Al-Bukhari meriwayatkan sepotong hadis dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

“مَا بَعَثَ اللَّهُ نِيَّا إِلَّا رَعَى الْفَنَمَ، فَقَالَ أَصْحَابُهُ: وَأَنْتَ؟ فَقَالَ:

نَعَمْ، كُنْتُ أَرْعَاهَا عَلَى قَرَارِيطَ لِأَهْلِ مَكَّةَ“.

**Yang bermaksud:** "Tiada seorang nabi pun yang diutuskan oleh Allah melainkan semuanya memelihara kambing". Para sahabat bertanya, "adakah engkau juga memeliharanya"? Baginda menjawab, ya dahulu aku juga mengambil upah memelihara kambing penduduk Mekah".

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Penternakan adalah suatu pekerjaan mulia, sama ada memelihara binatang yang besar seperti lembu, kerbau dan kambing mahupun binatang yang kecil seperti ayam, itik, arnab dan sebagainya.

Antara kelebihan menternak binatang ialah memudahkan orang ramai untuk mendapatkan bekalan makanan yang terdiri dari daging, susu, telur dan lain-lain yang bersumberkan haiwan ternakan, memberi peluang pendapatan serta jaminan keperluan makanan negara.

Walau bagaimanapun, para penternak perlulah diingatkan, bahawa bidang penternakan ini menuntut kita supaya bertanggungjawab, menjaga dan mengawal binatang peliharaan itu dengan baik agar ia tidak menyusahkan orang lain.

Janganlah disebabkan kita tidak menyediakan kandang atau reban yang sempurna, menyebabkan binatang-binatang itu merayau-rayau hingga ke kawasan rumah orang lain, memakan tanaman orang, memusnahkan pelbagai peralatan dan membuang najis merata-rata.

Lebih mendukacitakan apabila longgokan najis itu berlaku di halaman rumah jiran, halaman masjid, di atas jalan raya dan sebagainya.

Penternak hendaklah dipersalahkan kerana membiarkan ternakannya berkeliaran tanpa kawalan yang sempurna khususnya di jalan raya yang menyebabkan kemalangan maut. Setiap penternak perlulah mengambil perhatian untuk keselamatan orang lain. Kelalaian mereka boleh menyebabkan berlakunya kemudaratannya kepada orang ramai. Kesalahan membiarkan binatang berkeliaran boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Di dalam hadis yang diriwayatkan Ibnu Majah yang menjadi satu kaedah yang besar dalam ilmu fekah, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

“ لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارٌ ”

**Yang bermaksud:** " tidak boleh memudaratkan diri sendiri dan tidak boleh memudaratkan orang lain."

Tidakkah kita merasa bersalah?, apabila berlaku kemalangan jalan raya yang disebabkan haiwan kita yang berkeliaran itu, lalu menyebabkan berlakunya kemalangan yang membawa kematian, anak-anak kehilangan ayah dan menjadi yatim. Segalanya berpunca daripada kelalaian penternak.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
وَمِنَ الْأَنْعَمِ حَمْوَةَ وَفَرَشاً كُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ وَلَا  
تَتَّبِعُوا خُطُواتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌ مُّبِينٌ ﴿١٤٣﴾

**Yang bermaksud:** "Dan antara binatang-binatang ternakan itu ada yang dijadikan untuk pengangkutan dan ada untuk disembelih. Makanlah daripada apa yang telah dikurniakan oleh Allah kepada kamu dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh kamu yang nyata."

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قُولِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.